

**REIT Penjagaan Kesihatan Al-Aqar Menang Anugerah
Bernama
3 Mac, 2014**

JOHOR BAHARU, 3 Mac (Bernama) -- Unit Amanah Pelaburan (REIT) Al-Aqar Healthcare, dari Kumpulan Syarikat Johor Corporation, memenangi anugerah Syarikat Terbaik bagi Kepimpinan.

Anugerah itu memperakunya sebagai pemimpin dan peneraju REIT Islam pertama di dunia dan REIT penjagaan kesihatan pertama di Asia.

Dalam kenyataan di sini Isnin, REIT Healthcare Al-Aqar berkata anugerah itu adalah berasaskan kajian yang melibatkan pembaca majalah International Alternative Investment Review (IAIR) di seluruh dunia.

REIT Healthcare Al-Aqar disenarai Bursa Malaysia pada 10 Jun, 2006.

Ia diurus oleh Damansara REIT Managers Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Johor Corporation.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018749>